



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijeipc.com



KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN SOSIAL DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH MENENGAH USAHAWAN AL- AMIN

SOCIAL ENTREPRENEURIAL TENDENCIES AMONG SEKOLAH MENENGAH USAHAWAN AL-AMIN STUDENTS

Nur Azila Suriadi¹, Radin Siti Aishah Radin A Rahman^{2*}

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: p110309@siswa.ukm.edu.my

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: radin@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 09.11.2022

Revised date: 15.11.2022

Accepted date: 04.12.2022

Published date: 15.12.2022

To cite this document:

Suriadi, N. A., & Rahman, R. S. A. A. (2022). Kecenderungan Keusahawanan Sosial Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah Usahawan Al-Amin. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (48), 40-51.

DOI: 10.35631/IJEPC.748004

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Keusahawanan sosial belum sepenuhnya menjadi pilihan usahawan mahupun penyelidik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh sikap, norma sosial, dan persepsi kawalan tingkah laku terhadap kecenderungan keusahawanan sosial murid Sekolah Menengah Usahawan Al-Amin. Objektif kajian ini untuk i) mengenal pasti tahap sikap, norma sosial, dan persepsi kawalan tingkah laku dan kecenderungan keusahawanan sosial pelajar SM Usahawan Al-Amin ii) mengenal pasti pengaruh sikap, norma sosial, dan persepsi kawalan tingkah laku terhadap kecenderungan keusahawanan sosial murid SM Usahawan Al-Amin. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan melalui soal selidik. 63 murid kursus keusahawanan berumur 13 hingga 17 tahun telah dipilih secara rawak. Teori Tingkah Laku Terancang adalah asas untuk menyelesaikan jurang isu dan melaksanakan kajian. Data dianalisis menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 26 untuk mendapatkan analisis deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan tahap kecenderungan, sikap, dan norma sosial keusahawanan sosial adalah sederhana tinggi. Sebaliknya, persepsi kawalan tingkah laku adalah pada tahap sederhana rendah. Nilai varians sikap, norma sosial, dan persepsi kawalan tingkah laku terhadap kecenderungan keusahawanan sosial ialah 12.476 dan signifikan. Sikap adalah pengaruh terbaik terhadap kecenderungan keusahawanan sosial. Keputusan analisis regresi berganda menunjukkan sikap menyumbang 47.8 peratus berbanding persepsi kawalan tingkah laku 13.4 peratus dan norma sosial hanya 11.1 peratus. Secara ringkasnya, murid SM Usahawan Al-Amin didapati mempunyai sikap terhadap keusahawanan sosial. Oleh itu, murid memerlukan

pendedahan kepada pelbagai kemahiran, pengetahuan, dan pendekatan yang sesuai melalui pendidikan keusahawanan untuk membina minda dan jati diri keusahawanan sosial. Justeru, implikasi kajian ini dapat mengukuhkan lagi penggunaan Teori Tingkah Laku Terancang melalui nilai varian 38.8 peratus. Diharap dapatan kajian ini dapat digunakan untuk mereka bentuk program keusahawanan sosial bagi memupuk sikap keusahawanan sosial dan meningkatkan tahap sikap, norma sosial, dan persepsi kawalan tingkah laku untuk meningkatkan kecenderungan keusahawanan sosial.

Kata Kunci:

Kecenderungan Keusahawanan Sosial, Sikap, Norma Sosial, Persepsi Kawalan Tingkah Laku

Abstract:

Social entrepreneurship neither completely become choice of entrepreneurs nor researchers. Therefore, this study aims to examine the influence of attitudes, social norms, and perceived behavioral control on social entrepreneurship tendencies of Sekolah Menengah Usahawan Al-Amin's students. Objectives of this study to i) identify the level of attitude, social norms and perceived behavioral control and social entrepreneurship tendencies of SM Usahawan Al-Amin's students ii) identify influence of attitude, social norms, and perceived behavioral control on social entrepreneurship tendencies of SM Usahawan Al-Amin students. Study uses quantitative approach with survey design through questionnaire. 63 entrepreneurship course students aged 13 to 17 were selected randomly. Theory of Planned Behavior is basis for solving issue gap and implementing study. Data were analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 26 to obtain descriptive and inferential analysis. Findings of study show level of social entrepreneurship tendencies, attitudes and social norms are moderately high. Contradictorily, perceived behavioral control is relatively low level. The variance value of attitude, social norms, and perceived behavioral control towards social entrepreneurship tendencies is 12.476 and significant. Attitude is the best influence on social entrepreneurship tendencies. Results of multiple regression analysis show attitude contribute 47.8 percent compared to perception of behavioral control 13.4 percent and social norms only 11.1 percent. Briefly, SM Usahawan Al-Amin's students were found to have attitudes towards social entrepreneurship. Therefore, students need exposure to various skills, knowledge, and appropriate approaches through entrepreneurial education to build social entrepreneurial mindset and identity. Thus, implication of this study can further strengthen the use of Theory of Planned Behavior through variant value 38.8 percent. Hoped findings of this study can be used to design social entrepreneurship programs to foster social entrepreneurship attitudes and increase the level of attitudes, social norms, and perceived behavioral control to increase social entrepreneurship tendencies.

Keywords:

Social Entrepreneurship Tendency, Attitude, Social Norms, Perceived Behavioral Control

Pengenalan

Istilah usahawan sosial mula diperkenalkan oleh institut perbankan pada tahun 1972 (Nicholls, 2006). Keusahawanan sosial telah mengalami perkembangan yang semakin meningkat di mana ianya memberi impak positif kepada perubahan ekonomi, sosial, dan kualiti pemangkin negara.

Hal ini turut dipersetujui oleh Bornstein (2007), Mair dan Martin (2005), Mohammad Reza et al. (2010), Nicholls dan Cho (2006). Salah satu fungsi usahawan sosial adalah meringankan beban masyarakat di samping meningkatkan nilai kesedaran (Bornstein 2007; Mair & Marti 2005). Antara cara yang digunakan oleh beberapa negara maju dan membangun dalam mengatasi isu peningkatan kadar pengangguran terutama dalam golongan belia adalah melalui keusahawanan (Audretsch et al. 2018). Demikian, kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan *Malaysia Global Innovation & Creativity Centre* (MaGIC) untuk pembangunan keusahawanan sosial di Malaysia. Pelan Tindakan Usahawan Sosial Malaysia juga telah diterbitkan oleh kerajaan untuk mengfokuskan kepada peningkatan penghasilan usahawan sosial yang berkualiti. Malahan, pada 23 April 2022 perdana menteri Malaysia YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob telah melancarkan Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial 2030 (SEMy2030). Jelaslah bahawa pembentukan usahawan atau usahawan sosial tidak hanya berlaku apabila individu mewarisi perniagaan sahaja (Armanurah et al. 2009). Ini kerana, pengaruh lain seperti pembelajaran di sekolah atau latihan secara formal yang diperoleh dalam kursus yang diikuti turut mampu menjadi punca kepada penglibatan dalam bidang keusahawanan atau keusahawanan sosial. Menerusi kajian oleh Nawang, W. M. Z. W., & Mamat, I. (2019) didapati bahawa murid sekolah menengah yang melibatkan diri dalam kelab keusahawanan mempunyai kecenderungan yang tinggi dalam menceburi kerjaya keusahawanan. Teori yang pengkaji akan gunakan adalah Teori Tingkah Laku Terancang oleh Ajzen (1991) untuk melihat tahap dan faktor yang mempengaruhi kecenderungan keusahawanan sosial murid-murid SM Usahawan Al-Amin. Sikap yang dimaksudkan adalah kemahuan atau tarikan individu berkaitan sesuatu iaitu keusahawanan (J. Maes et al. 2014). Kuasa persekitaran sesuatu kumpulan sosial dalam suatu bidang yakni bidang keusahawanan merupakan norma sosial. Manakala, tanggapan individu berkaitan keupayaan beliau untuk menceburi sesuatu bidang iaitu bidang keusahawanan merupakan persepsi kawalan tingkah laku. Dinyatakan bahawa keusahawanan sosial adalah antara latihan pemikiran dan melakukan dalam bidang keusahawanan (Hariyaty 2014).

Penyataan Masalah

Cabang baharu bagi perkembangan bidang keusahawanan yang boleh diberikan perhatian adalah aktiviti keusahawanan sosial (Hariyaty, 2014). Pembaharuan dan perkembangan daripada keusahawanan sosial adalah kesan positif yang mampu diberikan kepada masyarakat (Dees 1998). Malaysia merupakan sebuah negara dengan tahap yang lemah dalam menjalankan sebarang kegiatan keusahawanan dengan nilai sosial (Lepoutre et al. 2013). Berdasarkan statistik Global Entrepreneurship Monitor (2009), penglibatan Malaysia dalam pelaksanaan kegiatan keusahawanan sosial adalah sebanyak 0.20 peratus berbanding 49 negara lain. Tambahan pula, pemilihan kerjaya sebagai seorang usahawan atau usahawan sosial bukan kerjaya yang menjadi pilihan murid lepasan sekolah menengah mahupun graduan masa kini sungguh pun murid-murid dan para graduan pernah memperoleh pendidikan dan mempunyai pengalaman dalam bidang keusahawanan di sekolah atau di universiti (Ismail et al. 2021). Inisiatif pihak kerajaan dan pihak-pihak tertentu adalah dengan menganjurkan pelbagai kursus dan seminar yang bertujuan untuk memberi maklumat dan pengetahuan kepada para usahawan (Awang et al. 2014). Namun, semua perkara ini tidak akan membuahkan hasil sekiranya murid-murid sendiri tidak mahu mengambil segala peluang yang ada untuk mencabar diri mereka dalam bidang keusahawanan. Penyelidikan berkaitan kecenderungan keusahawanan atau keusahawanan sosial di Malaysia adalah pada tahap yang rendah dan kurang mendapat sambutan daripada para pengkaji (Baharu & Mohammed Zain, 2013). Demikian, pelaksanaan kajian ini adalah pengfokuskan kepada murid sekolah menengah usahawan untuk mengkaji kecenderungan tahap keusahawanan sosial mereka. Teori Tingkah Laku Terancang merupakan

sebuah teori dengan faktor sikap, norma sosial, dan persepsi kawalan tingkah laku akan mempengaruhi kecenderungan seseorang terhadap keusahawanan (Norashidah, Norasmah & Noraishah 2009). Ini kerana, individu akan meneruskan apa yang dihayati sekiranya dirinya dirasakan dirinya berkemampuan dalam mengawal sebarang perilakuannya untuk menjadi usahawan sosial (Norashidah et al. 2009). Akhir sekali, individu akan menceburi bidang keusahawanan atau keusahawanan sosial apabila merasakan bahawa diri mereka berkemampuan untuk menguruskan perniagaan serta keputusan ini diterima baik oleh kumpulan sosial mereka (Kirby & Ibrahim 2010).

Objektif Kajian

Secara perinciannya, objektif kajian ini adalah untuk;

- 1) Mengetahui tahap sikap, norma sosial, persepsi kawalan tingkah laku dan kecenderungan keusahawanan sosial murid SM Usahawan Al-Amin.
- 2) Mengetahui pengaruh sikap, norma sosial dan persepsi kawalan tingkah laku terhadap kecenderungan keusahawanan sosial murid SM Usahawan Al-Amin.

Tinjauan Literatur

Keusahawanan Sosial

Keusahawanan sosial merupakan cabang bidang keusahawanan yang memberikan tumpuan dalam kebajikan masyarakat dan kelahiran semula kesedaran nilai baik yang menjadi pemulaan kepada kelahiran pelbagai program ilmunan dan pengkongsian yang berpotensi dalam mewujudkan masyarakat yang saling membantu dalam membaik pulih taraf hidup masyarakat tersebut (Norasmah, Hariyaty & Armanurah 2019). Keusahawanan sosial berevolusi secara radikal dan semakin mendapat tempat dalam masyarakat dan beberapa pihak (Huybrechts & Nicholls 2012). Keusahawanan sosial merupakan sebuah siri perubahan yang mempunyai potensi dan kekuatan daripada individu yang dikenali sebagai pengusaha sosial (Defourny & Nyssens 2008; Mair & Martin 2005). Usahawan sosial ialah individu yang bertindak dalam melakukan perubahan serta memberi kesan baik kepada masyarakat dan ekonomi negara dengan menjalankan pelbagai kegiatan yang berinovasi dan proaktif (Volkman, Tokarski & Ernst 2012). Usahawan dan usahawan sosial boleh dilahirkan dan dibentuk melalui pengetahuan dan pendidikan berkenaan usahawan (Armanurah et al. 2014). Disebabkan oleh perkembangan program pengurusan bukan untung, kini banyak kursus, sijil, dan program ijazah pendidikan berkenaan keusahawanan sosial boleh dipelajari secara formal (Lounsbury & Strang 2009). Perkembangan keusahawanan sosial dalam pendidikan berlaku terutama pada tahun 2011 apabila terdapat lebih 148 institusi memasukkan konsep pendidikan dan keusahawanan sosial dalam kursus yang disediakan oleh institusi tersebut (Kim & Leu 2011). Pertumbuhan konsep pendidikan dan keusahawanan sosial ini juga berlaku disebabkan oleh timbulnya keinginan dan kemahuan daripada murid-murid dan pelajar-pelajar itu sendiri (Worsham 2012).

Kecenderungan Keusahawanan Sosial

Kecenderungan adalah sebuah tanda terhadap keinginan seseorang untuk melakukan sesuatu perkara (Kolvereid 1996). Zellweger et al. (2011) telah menjalankan kajian berkenaan kecenderungan keusahawanan keluarga dan telah mengaplikasikan Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen 1991) dan *Theory of Mixed Control* (Monsen & Urbig 2009) dalam penyelidikan. Dapatan daripada kajian tersebut mendapati individu yang mempunyai latar belakang keluarga berniaga cenderung untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Kajian keusahawanan korporat oleh Fini et al. (2012) mendapati tindakan seseorang dalam

kecenderungan keusahawanan korporat boleh dipengaruhi oleh individu yang menubuhkan perniagaan. Motif yang boleh diambil untuk kecenderungan keusahawanan sosial ialah matlamat etika dan kepuasan peribadi (Mair & Marti 2005). Durieux dan Stebbins (2010) telah mencatatkan enam tujuan terhadap kecenderungan keusahawanan sosial. Pertama, tidak mementingkan diri. Kedua, berlakunya penglibatan dalam masyarakat. Ketiga, kemurahan hati. Keempat, mempunyai belas kasihan dan empati. Kelima, tidak mendesak. Keenam, semangat kesukarelawan. Kecenderungan seseorang kepada bidang keusahawanan sosial juga boleh terjadi disebabkan oleh faktor luaran. Keadaan kawasan di sekeliling yang stabil dan peningkatan kepada bilangan perusahaan yang pantas adalah antara faktor luaran bagi kecenderungan terhadap keusahawanan sosial (Krueger et al. 2009). Mair dan Noboa (2006) telah membentuk sebuah model kecenderungan keusahawanan sosial yang pertama yang menerangkan bahawa proses memperoleh pengetahuan iaitu faktor kognitif dan emosi individu memberi pengaruh terhadap kecenderungan keusahawanan sosial. Hasil kajian mendapati bahawa pandangan individu akan keupayaan mereka dalam menguruskan perusahaan sosial dapat dirangsang melalui pembentukan *self-efficacy* yang tinggi terhadap keusahawanan sosial. Kesimpulannya, keinginan *self-cognitive* dan *feasibility* adalah antara faktor yang boleh memberi pengaruh kepada kecenderungan keusahawanan sosial.

Sikap

Sikap adalah sebuah persepsi individu akan tarikan atau tolakan kepada individu untuk melakukan sesuatu perilaku (Autio et al. 2001). Hasil kajian Autio et al. (2001) mendapati faktor yang paling memberikan nilai signifikan yang tinggi terhadap kecenderungan keusahawanan sosial individu tersebut adalah sikap. Autio et al. (2001), Linan dan Chen (2009), Volkmann & Gruenhagen (2010) telah melakukan kajian yang membuktikan bahawa sikap boleh mempengaruhi kecenderungan individu terhadap keusahawanan.

Norma Sosial

Norma sosial adalah keyakinan kumpulan sosial yang penting kepada individu dimana kumpulan sosial memberikan pandangan yang baik atau buruk terhadap perilaku individu tersebut (Ajzen 2005). Tekad keusahawanan individu mempunyai hubungan dengan individu dalam norma sosial seseorang seperti ibu bapa, rakan, saudara mara, dan guru (Cai & Kong 2017). Basu dan Virick (2008), Mueller (2011) dalam kajian mereka menyokong bahawa norma sosial mampu memberi kesan kepada kecenderungan keusahawanan sosial seseorang. Kumpulan sosial yang termasuk dalam norma sosial ialah ibu bapa, ahli keluarga, teman baik, rakan ditempat kerja, dan seseorang yang dijadikan rujukan seperti pakar atau guru dalam bidang yang diminati oleh individu (Malebana 2014).


Persepsi Kawalan Tingkah Laku

Persepsi kawalan tingkah laku memberi gambaran secara menyeluruh tentang sesuatu perilaku yang ingin dilaksanakan sama ada mudah atau sukar untuk dilakukannya (Ajzen 1991). Terdapat beberapa kajian yang menyatakan bahawa kecenderungan keusahawanan amat dipengaruhi oleh persepsi kawalan tingkah laku. Contoh pengkaji ialah Autio et al. (2001) yang mendapati dalam kalangan 3000 lebih pelajar di USA, Finland dan Sweden terdapat nilai signifikan yang tinggi antara norma sosial dengan kecenderungan keusahawanan sosial berbanding dua faktor lain iaitu sikap dan persepsi kawalan tingkah laku.

Kerangka Konseptual Kajian

Kecenderungan keusahawanan sosial merupakan pemboleh ubah bersandar. Manakala, pemboleh ubah – pemboleh ubah tidak bersandar adalah demografi, sikap, norma sosial, dan

persepsi kawalan tingkah laku terhadap keusahawanan sosial. Kerangka konseptual kajian ini diasaskan berdasarkan beberapa kajian terdahulu. Antaranya ialah Teori Tingkah Laku Terancang oleh Ajzen (1991). Kajian ini telah menggunakan teori Tingkah Laku Terancang sebagai teori asas. Ini kerana, kajian ini adalah sebuah kajian yang mengkaji tingkah laku manusia.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Sumber: Ajzen (1991)

Teori ini mengakui bahawa tingkah laku manusia boleh dipengaruhi oleh tiga konstruk yang mampu menyumbang kepada keinginan dan melakukan sesuatu tingkah laku (Ajzen, 1991). Tiga konstruk tersebut adalah a) sikap yang mendorong individu untuk melakukan sesuatu yang diinginkan atau tidak diinginkan, b) norma sosial yang persepsi yang diterima daripada individu sekeliling, dan c) persepsi kawalan tingkah laku iaitu penyumbang kepada peningkatan kepercayaan diri untuk melaksanakan dan mengawal tingkah laku tersebut. Tingkah laku fizikal yang sering dilakukan serta didorong oleh aktiviti berasaskan sikap terutama kepada individu yang mempunyai tingkah laku positif akan mendorong dirinya untuk melakukan tingkah laku tersebut (Hagger et al. 2001). Begitu juga sebaliknya. Rakan merupakan individu yang paling memberi pengaruh dalam kalangan remaja bagi membuat keputusan untuk melaksanakan sesuatu perkara terutama rakan yang terlibat dalam perkara tersebut (Rhodes et al. 2006). Manakala, bagi golongan dewasa. Pasangan adalah individu yang menjadi penggalak untuk melaksanakan sesuatu perkara (Fishbein & Rhodes, 1997; Sallis & Owen, 1999). Kawalan tingkah laku secara langsung boleh melaksanakan tingkah laku yang dimahukan tanpa memerlukan keinginan (Hagger et al. 2002). Sesungguhnya, kawalan tingkah laku secara langsung tanpa keinginan membuatkan tingkah laku tersebut boleh dilaksanakan. (Rhodes et al. 2006). Kawalan tingkah laku juga berlaku berdasarkan dua keadaan iaitu secara keupayaan dan pengawasan (Tavousi et al. 2009).

Metodologi

Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian secara kuantitatif dengan kaedah tinjauan. Soal selidik merupakan instrumen kajian yang digunakan. Soal selidik dibina sebagai instrumen kajian untuk memperolehi data tentang hubungan setiap pemboleh ubah yang dikaji dengan kecenderungan keusahawanan sosial. Soal selidik yang dibina mempunyai tiga bahagian. Bahagian A: profil responden (11 item). Bahagian B: kecenderungan keusahawanan sosial (10 item). Bahagian C: sikap, norma sosial, dan persepsi kawalan tingkah laku (30 item). Soalan-soalan diadaptasi daripada kajian oleh Greenlade dan White (2005), Ruhle et al. (2010), S. Muller (2008). Kajian rintis dijalankan bagi memperoleh kebolehpercayaan instrument. Proses

kesahan adalah dengan melantik pakar untuk menilai setiap item. Nilai peratusan yang diperoleh adalah sebanyak 85 dan 82 peratus. Manakala, nilai *Cronbach Alpha* yang diperoleh bagi keempat-empat bahagian utama di dalam instrumen kajian adalah melebihi 0.60. Seramai 63 responden telah dipilih secara rawak mudah daripada 72 jumlah populasi berdasarkan jadual saiz sampel (Krecjie & Morgan 1970). Menurut Sekaran (2003) kewajaran sesebuah kajian adalah memadai antara 30 dan 500 saiz sampel. Sebanyak 100 peratus kadar pulangan bagi kajian sebenar kajian ini Perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26 telah digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis statistik deskriptif dijalankan untuk memperoleh maklumat frekuensi, peratusan, min, dan sisihan piawai. Ujian kenormalan dan regresi berganda turut digunakan.

Profil Responden Kajian

Bilangan murid mengikut jantina yang menjadi responden adalah seramai 34 murid lelaki dan 29 orang murid perempuan. Seramai 17 orang murid berumur 13 tahun, 16 orang murid berumur 16 tahun, 13 orang murid berumur 17 tahun, 12 orang murid berumur 15 tahun, dan hanya lima orang murid berumur 14 tahun. Ini menunjukkan bahawa bilangan murid teramai adalah berusia 13 tahun dan bilangan murid yang sedikit adalah berusia 14 tahun. Kesemua murid adalah beragama Islam dan berketurunan Melayu. Namun, hanya seorang murid sahaja yang menyatakan keturunannya adalah daripada lain-lain. Seramai 30 orang murid menyatakan bahawa mereka pernah berniaga sebelum memasuki sekolah menengah dan seramai 33 orang murid menyatakan bahawa mereka mempunyai pengalaman berniaga semasa bersekolah di sekolah menengah. Seramai 73 peratus murid bersamaan 46 orang murid pernah melakukan aktiviti sukarelawan. Diminta juga murid-murid menyatakan tentang penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sukarelawan. Majoriti menyatakan bahawa ibu bapa mereka pernah terlibat dengan aktiviti sukarelawan iaitu seramai 71.4 peratus ibu murid-murid pernah terlibat dan seramai 69.8 peratus bapa murid-murid pernah terlibat. Seramai 54 murid atau bersamaan 85.7 peratus menyatakan bahawa ahli keluarga mereka pernah melibatkan diri dengan aktiviti sukarelawan.

Dapatan Dan Perbincangan

Tahap Sikap, Norma Sosial, Persepsi Kawalan Tingkah Laku Dan Kecenderungan Keusahawanan Sosial.

Nilai min dan sisihan piawai akan diambil bagi memperoleh tahap persetujuan responden bagi setiap soalan di dalam instrument kajian (Armanurah 2014). Nilai min bagi kecenderungan keusahawanan sosial adalah 3.48, sikap adalah 3.56, dan norma sosial adalah 3.59. Tahap norma sosial adalah tertinggi diikuti dengan sikap seterusnya kecenderungan keusahawanan sosial dan akhir sekali persepsi kawalan tingkah laku. Ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga pemboleh ubah adalah pada tahap sederhana tinggi kecuali bagi persepsi kawalan tingkah laku dengan nilai min hanya 2.85. Tahap bagi pemboleh ubah ini adalah sederhana rendah.

Jadual 1: Min, Sisihan Piawai, Dan Tahap Bagi Setiap Pemboleh Ubah				
Pemboleh Ubah		Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kecenderungan Sosial	Keusahawanan	3.48	0.55	Sederhana Tinggi
Sikap		3.56	0.53	Sederhana Tinggi
Norma Sosial		3.59	0.53	Sederhana Tinggi
Persepsi Kawalan Tingkah Laku		2.85	0.64	Sederhana Rendah

Pengaruh Sikap, Norma Sosial Dan Persepsi Kawalan Tingkah Laku Terhadap Kecenderungan Keusahawanan Sosial Murid SM Usahawan Al-Amin.

Bahagian ini akan membincangkan pengaruh sikap, norma sosial dan persepsi kawalan tingkah laku terhadap kecenderungan keusahawanan sosial murid SM Usahawan Al-Amin. Selain itu, analisis regresi berganda digunakan bagi menjelaskan perkaitan pengaruh faktor peramal kepada kecenderungan

Jadual 2: Analisis Varians Bagi Sikap, Norma Sosial Dan Persepsi Kawalan Tingkah Laku

Model		Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
1	Regresi	7.286	3	2.429	12.476	<0.001
	Residual	11.485	59	.195		
	Jumlah	18.771	62			

Kecenderungan keusahawanan sosial mempunyai varians yang signifikan dengan sikap, norma sosial, persepsi kawalan tingkah laku dalam iaitu $F = 12.476$, $Sig. = .000$. Nilai signifikan juga lebih kecil daripada 0.05. Ini menunjukkan bahawa analisis regresi berganda bagi kajian ini adalah signifikan.

Jadual 3: Ringkasan Model Analisis Standard Regresi

Model	R	R ²	R ² Terlaras	Ralat Piawai
1	.623 ^a	.388	.357	.44121

Ringkasan analisis regresi berganda bagi nilai varian pada pemboleh ubah bersandar, iaitu kecenderungan keusahawanan sosial yang dikaitkan dengan pemboleh ubah peramal, iaitu sikap, norma sosial dan persepsi kawalan tingkah laku ialah 38.8 peratus ($R^2 = .388$). Nilai Durbin Watson yang diperoleh adalah 2.018 lebih daripada nilai 2.0 menunjukkan bahawa tiada permasalahan auto-korelasi.

Jadual 4: Analisis Standard Regresi Bagi Sikap, Norma Sosial, Dan Persepsi Kawalan Tingkah Laku

Peramal	B	Ralat Piawai	T	Sig.	Beta	Peratus Pengaruh (%)
Sikap	.491	.136	3.607	.001	.478	47.8
Norma Sosial	.114	.127	0.895	.374	.111	11.1
Persepsi Kawalan Tingkah Laku	.115	.099	1.167	.248	.134	13.4
Pemalar	.994	.432	2.299	.025		

Hasil analisis regresi berganda menunjukkan bahawa pemboleh ubah sikap memperoleh nilai $p = .001$, norma sosial $p = .374$, dan persepsi kawalan tingkah laku $p = .248$ adalah pemboleh ubah peramal kepada kecenderungan keusahawanan sosial dalam kalangan murid SM Usahawan Al-Amin. Berdasarkan jadual 4.17. Skor bagi kecenderungan keusahawanan sosial akan meningkat 0.478 unit jika skor sikap meningkat seunit. Manakala, skor kecenderungan keusahawanan sosial hanya akan meningkat sebanyak 0.111 unit dan 0.134 unit jika skor norma sosial dan persepsi kawalan tingkah laku meningkat seunit. Demikian, sebuah persamaan linear

dapat dibentuk iaitu tingkah laku kecenderungan keusahawanan sosial = $0.994 + 0.491 X_1 + 0.114 X_2 + 0.115 X_3$ dengan merujuk kepada Y adalah tingkah laku kecenderungan keusahawanan sosial, X_1 adalah faktor minat, X_2 adalah faktor norma sosial dan X_3 adalah faktor persepsi kawalan tingkah laku. Pemalar adalah 0.994. Ini menjelaskan bahawa sikap merupakan peramal terbaik dan signifikan kepada kecenderungan keusahawanan sosial dengan nilai $\beta = 0.478$ dan $p = 0.001$ dengan keseluruhan $R^2 = 0.388$ berbanding norma sosial ($\beta = 0.111$, $p = 0.374$) dan persepsi kawalan tingkah laku ($\beta = 0.134$, $p = 0.248$). Sikap adalah satu kesediaan mental dan saraf yang disusun berdasarkan pengalaman (Allport 1954). Manakala, menurut Fishbein dan Ajzen (1975), perlakuan positif atau negatif seseorang boleh digambarkan melalui sikap mereka.

Implikasi Dan Kesimpulan

Ringkasnya, kajian ini dapat membuktikan bahawa teori tingkah laku Ajzen (1991) berupaya menyumbangkan 38.8 peratus kecenderungan keusahawanan sosial murid-murid di SM Usahawan Al-Amin yang dipengaruhi oleh sikap, norma sosial, dan persepsi kawalan tingkah laku. Kajian ini mampu meningkatkan pemahaman berkaitan kecenderungan keusahawanan sosial. Pihak SM Usahawan Al-Amin hendaklah meningkatkan usaha dan peranan dalam menggalakkan penglibatan murid-murid dengan aktiviti kemasyarakatan, sukarelawan, atau khidmat masyarakat bagi meningkatkan kecenderungan mereka terhadap keusahawanan sosial. Diharapkan kajian ini boleh membantu pihak SM Usahawan Al-Amin untuk meningkatkan pengetahuan, idea, dan ilmu secara praktikal murid-murid untuk menceburi bidang keusahawanan sosial. Bilangan kajian berkenaan kecenderungan keusahawanan sosial dalam kalangan murid sekolah menengah masih sedikit berbanding kajian dalam kalangan pelajar universiti. Demikian, pengkaji menggalakkan lebih banyak lagi kajian berkenaan kecenderungan keusahawanan sosial dalam kalangan sekolah menengah terutama murid yang telah mempunyai ilmu asas berkenaan keusahawanan. Pengkaji yang berminat untuk membuat kajian lanjutan juga boleh memfokuskan kepada sampel murid sekolah menengah usahawan daripada beberapa buah sekolah di dalam satu daerah. Malahan, pengkaji juga boleh membuat kajian dengan reka bentuk eksperimental bagi sebuah sekolah menengah keusahawanan. Demikian, kajian ini dilakukan bagi meningkatkan pendedahan dan menarik minat pelbagai pihak bagi menyelami cabang bidang keusahawanan yang semakin mendapat tempat dalam masyarakat. Sesungguhnya, keusahawanan sosial merupakan cabang bidang keusahawanan dengan nilai yang tinggi untuk dipupuk dalam kalangan generasi muda. Oleh itu, diharap agar pihak berkaitan mendapat input dalam menerapkan aspek-aspek keusahawanan sosial dalam kursus keusahawanan yang bakal dipelajari murid-murid SM Usahawan Al-Amin.

Rujukan

- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179-211.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179-211.
- Ajzen, I. (2005). *EBOOK: Attitudes, Personality and Behaviour*. McGraw-Hill Education (UK).
- Alhaj, B. K., & Yusof, M. Z. (2012). Sikap keusahawanan dan hasrat keusahawanan: Satu penilaian instrumen dalam mengkaji kecenderungan keusahawanan. *Jurnal Personalita Pelajar*.
- Allport, F. H. (1954). The structuring of events: outline of a general theory with applications to psychology. *Psychological Review*, 61(5), 281.

- Armanurah, M., Syahrina, A., Norashidah, H., & Awanis, K. I. (2018). Menerokai paradigma pemikiran keusahawanan pelajar di institusi pengajian tinggi awam di Malaysia: Kegunaan usahawan siswazah yang terancang. *Geran ERGS*.
- Autio, E., Keeley, R.H., & Klofsten, M. (2001). Entrepreneurial intent among students in Scandinavia and in the USA. *Enterprise and Innovation Management Studies*, 2(2), 145-160
- Awang, A., Ibrahim, I. I., & Ayub, S. A. (2014). Determinants of entrepreneurial career: Experience of polytechnic students. *Journal of Entrepreneurship, Business and Economics*, 2(1), 21-40.
- Banks, J. (1972). *The Sociology of Social Movements*, London: Macmillan. DOI 10.1177/004724417300300226.
- Basu, A., & M. Virick. (2008). "Assessing Entrepreneurial Intentions Amongst Student: A Comparative Study", <http://nciia.org/conf08/assets/pub/basu2.pdf>.
- Bornstein, D. (2007). *How to change the world: Social entrepreneurs and the power of new ideas*. Oxford University Press.
- Cai, J., & Kong, D. (2017). Study on the impact of entrepreneurship education in colleges and universities on students' entrepreneurial intention. *Revista de La Facultad de Ingenieria*, 32(14), 899-903.
- children's physical activity intentions and behaviour: Predictive validity and longitudinal effects. *Psychology and Health*, 16, 391-407.
- Dees, J. G. (1998). *The meaning of social entrepreneurship*. Stanford University: Dra Report for the Kauffman Center for Entrepreneurial Leadership, p6.
- Dees, J.G. (1998). Enterprising non-profits. *Harvard Business Review*, 76, 55- 67.
- Defourny, J. & Nyssens, M. (2008). "Conceptions of Social Enterprise in Europe and in the United States. A Comparative Analysis", 8th ISTR International Conference and 2nd EMES-ISTR European Conference: "The Third Sector and Sustainable Social Change: New Frontiers for Research", Barcelona.
- Defourny, J. & Nyssens, M. (2008b). "Social Enterprise in Europe: Recent Trends and Developments", EMES Working Paper, 08:01.
- Durieux, M. B., & Stebbins, R. A. (2010). *Social entrepreneurship for dummies*. Hoboken: Wiley Publishing.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). *Belief, Attitude, Intention, and Behavior: An Introduction to Theory and Research*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Fishbein, M., & Rhodes, F. (1997). Using behavioral theory in HIV prevention. In N Corby & RJ Wolitski (Eds.), *Community HIV Prevention: The Long Beach AIDS Community Demonstration Project* (pp. 21-30).
- Hagger, M. S., Chatzisarantis, N. L. D., Biddle, S. J. H., & Orbell, S. (2001). Antecedents of Hagger, M. S., Chatzisarantis, N. L. D., & Biddle, S. j. H. (2002). The influence of autonomous and controlling motives on physical activity intentions within the theory of planned behaviour. *British Journal of Health Psychology*, 7, 283-297.
- Hariyaty, A. W. (2014). *Keusahawanan Sosial, Daya Tahan dan Daya Saing Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia*. Unpublished Doctoral Dissertation. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Malaysia. <https://doi.org/10.1002/job.4030150404> [https://doi.org/10.1016/S0883-9026\(02\)00078-2](https://doi.org/10.1016/S0883-9026(02)00078-2).
- Huybrechts, B., & Nicholls, A. (2012). Social entrepreneurship: Definitions, drivers and challenges. In *Social Entrepreneurship and Social Business* (pp. 31-48). Gabler Verlag.
- Ismail, A. D., Buang, N. A., & Othman, N. (2021). Kecenderungan Keusahawanan Terhadap Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Atas Talian dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 6. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 9-21.

- Kim, M., Director, A. U., & Leu, J. (2011). I. Foreword. *Welcome To The 2011 Social Entrepreneurship Education Resource Handbook*, 5.
- Kirby, D.A. & Ibrahim, N. (2010). The case for social entrepreneurship education in Egyptian universities, *Education and Training*, 53(5), 403- 415.
- Kolvereid, L. (1996). Organizational employment versus self-employment: Reasons for career choice intentions. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 20(3), 23-31.
- Kolvereid, L. (1996). Prediction of employment status choice intentions. *Entrepreneurship Theory and practice*, 21(1), 47-58.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607 – 610.
- Krueger, N. F., Kickul, J., Gundrey, L. K., Verman, R., & Wilson, F. (2009). Discrete choices, trade-offs, and advantages: modelling social venture opportunities and intentions. In J. A. Robinson, J. Mair & K. Hockerts (Eds.), *International Perspectives on Social Entrepreneurship*, 117-143.
- Lepoutre, J., Justo, R., Terjesen, S., & Bosma, N. (2013). Designing a global standardized methodology for measuring social entrepreneurship activity: the Global Entrepreneurship Monitor social entrepreneurship study. *Small Business Economics*, 40(3), 693-714.
- Linan, F., & Chen, Y.W. (2009). Development and cross-cultural application of a specific instrument to measure entrepreneurial intentions. *Entrepreneurship: Theory & Practice*, 33(3), 593-617.
- Lounsbury, M., D. Strang. (2009). *Social Entrepreneurship: Success Stories and Logic Construction*. D. C. Hammack, S. Heydemann, eds. *Globalization, Philanthropy, and Civil Society: Projecting Institutional Logics Abroad*. Indiana University Press, Bloomington, 71-94.
- Maes, J., Leroy, H., & Sels, L. (2014). Gender differences in entrepreneurial intentions: A TPB multi-group analysis at factor and indicator level. *European Management Journal*, 32(5), 784-794.
- MaGIC. (2015). *State of Social Enterprise in Malaysia (2014/2015)*. Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) Social Entrepreneurship. Retrieved from www.se.mymagic.my
- Mair, J. & Marti, I. (2005). "Social entrepreneurship research: A source of explanation, prediction, and delight", *Journal of World Business*, 41(1), 36-44.
- Mair, J. & Noboa, E. (2006). Social entrepreneurship: How intentions to create a social venture get formed. In J. Mair, J. Robinson & K. Hockerts (Eds.). *Social Entrepreneurship*, 121–136. New York: Palgrave MacMillan.
- Malebana, J. (2014). Entrepreneurial intentions of South African rural university students: A test of the theory of planned behaviour. *Journal of Economics and Behavioral Studies*, 6(2), 130-143.
- Malebana, M. J. (2014). Entrepreneurial intentions and entrepreneurial motivation of South African rural university students. *Journal of Economics and Behavioral Studies*, 6(9), 709-726.
- Mohamad, A., Amir, A. R., & Hassan, S. C. (2009). Pembangunan sumber daya manusia melalui pendidikan keusahawanan. *Kertas dibentangkan di Persidangan Malindo Nusantara*, 1, 16-17.
- Mohammad R, N., Westover, J.H & Gholam, R, R. (2010). An Exploration of Social Entrepreneurship in the Entrepreneurship Era. *Asian Social Science*. 6(6), 1-8

- Monsen, E., & Urbig, D. (2009). Entrepreneurs and perceptions of compound risk: moderating effects of efficacy and control beliefs. *Frontiers of Entrepreneurship Research*, 29(6), 2.
- Mueller, S. (2011). Increasing entrepreneurial intention: effective entrepreneurship course characteristics. *International Journal of Entrepreneurship and Small Business*, 13(1), 55-74.
- Nawang, W. W., & Mamat, I. (2019). The Determinant Factors an Entrepreneurship Inclination among Secondary School Students. *Akademika*, 89(2), 3-15.
- Nicholls, A. (2006). Social Entrepreneurship: New Models of Sustainable Social Change. *Oxford: Oxford University Press*.
- Nicholls, A., & Cho, A. H. (2006). Social entrepreneurship: The structuration of a field. *Social Entrepreneurship: New Models of Sustainable Social Change*, 34(4), 99-118.
- Norashidah, H., Norasmah, O., & Noraishah, B. (2009). Case Study: Entrepreneurial awareness in Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 187-203.
- Othman, N., Wahid, H. A., & Mohamad, A. (2019). Pendidikan Keusahawanan di Institut Pengajian Tinggi. *Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
- Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS*. Routledge.
- Piaw, C. Y. (2008). *Asas statistik penyelidikan*. Mc-Graw Hill (Malaysia).
- Rhodes, R. E., Macdonald, H. M., & McKay, H. A. (2006). Predicting physical activity intention and behavior in longitudinal sample. *Social Science and Medicine*, 62(12), 3146-3156.
- Sallis, J. F., & Owen, N. (1999). *Physical activity and behavioral medicine*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. 2nd ed. Toronto: John Wiley & Sons.
- Talib, O. (2015). *SPSS: Analisis data kuantitatif untuk penyelidik muda*. MPWS Rich Publication Sdn. Bhd.
- Tavousi, M., Hidarnia, A. R., Montazeri, A., Hajizadeh, E., Taremain, F., & Ghofranipour, F. (2009). Are perceived behavioral control and self-efficacy distinct constructs? *European Journal of Scientific Research*, 30(1), 146-152.
- Volkman, C. and Gruenhagen, M. (2010). Entrepreneurship in a European Perspective, *Springer Gabler Plus*, Heidelberg.
- Volkman, C., Tokarski, K., & Ernst, K. (2012). Social entrepreneurship and social business. *An Introduction and Discussion with Case Studies*. Gabler. Wiesbaden.
- Worsham, E. L. (2012). Reflections and insights on teaching social entrepreneurship: An interview with Greg Dees. *Academy of Management Learning & Education*, 11(3), 442-452.
- Zellweger, T., Sieger, P., & Halter, F. (2011). Should I stay or should I go? Career choice intentions of students with family business background. *Journal of Business Venturing*, 26(5), 521-536.